



KOLEJ POLY-TECH MARA

KENYATAAN SEBUT HARGA



1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman,berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PEROLEHAN KENDERAAN JABATAN JENAMA PROTON X70 DAN S70 UNTUK KEGUNAAN KPTMSB

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
KPTM/SH/HQ/09/25	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang seperti berikut: 110103 - Pengangkutan, Komponen dan Aksesori/ Kenderaan Bermotor dan Tidak Bermotor / 110106- Pengangkutan, Komponen dan Aksesori/ Kenderaan bermotor dan tidak bermotor/ Kenderaan Kegunaan Khusus	4/08/2025 Hingga 17/08/2025	Tarikh: 4/08/2025 (Selasa) Masa: 2.30 Petang Tempat: Bilik Mesyuarat JPPA Aras 4, Ibu Pejabat Kolej Poly-Tech MARA	RM20.00	Tarikh 18/08/2025 (Isnin) Sebelum 12.00 tengah hari

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menghadiri sesi taklimat.
- Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)
 - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera Dengan Kementerian Kewangan Malaysia
3. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan KPTMSB semasa menghadiri taklimat. KPTMSB berhak menolak permohonan yang pada tanggapan KPTMSB adalah tidak layak.
4. Dokumen boleh didapati pada waktu pejabat seperti di jadual di Para 1 yang beralamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan diedarkan selepas tempoh tersebut.
5. Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh KPTMSB semasa menghadiri taklimat.
6. Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. KPTMSB tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. KPTMSB berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No.Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH KANAN
JABATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ASET
ARAS 4 IBU PEJABAT KOLEJ POLY-TECH MARA
JALAN 7/91 TAMAN SHAMELIN PERKASA,
56100 CHERAS, KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima dan ditolak.